

# PEMERKASAAN PENDIDIKAN WANITA: ANALISIS MENURUT PERSPEKTIF HADITH

## *Women's Educational Empowerment: An Analysis on Hadith Perspective*

Muhammad Adam Abd. Azid<sup>1,2,\*</sup>, Najah Nadiah Amran<sup>2</sup> & Ihsan Nurmansyah<sup>3</sup>

<sup>1</sup> Faculty of Islamic Studies and Arabic Language, Sultan Ismail Petra International Islamic College, 15730, Malaysia.

<sup>2</sup> Research Centre for Al-Quran and Al-Sunnah, Faculty of Islamic Studies, National University of Malaysia, 43600, Malaysia.

<sup>3</sup> Institut Agama Islam Negeri Pontianak, Indonesia

---

\*Corresponding author e-mail:  
adamsaifulislam@gmail.com

Received: 10-02-2026  
Accepted: 27-04-2026  
Published: 30-04-2026

How to Cite:  
Abd. Azid, M. A., Amran, N. N. & Nurmansyah, I. (2026).  
Pemeriksaan Pendidikan Wanita: Analisis Menurut Perspektif Hadith. *Jurnal Dirasatica: Jurnal Pengajian Islam Kontemporer*, 2(1), 54-69.

### ABSTRACT

Women's educational empowerment is a crucial issue in the development of a balanced and inclusive society. Within the Islamic framework, hadith literature plays a significant role in shaping perspectives and practices concerning women's education. However, there remains a notable imbalance between the teachings of the hadith and contemporary practices, which are often influenced by cultural and social factors. This article examines hadith related to the empowerment of women's education and their implications for women's empowerment more broadly. Employing a qualitative approach through textual analysis of hadith sources, the study finds that these narrations strongly emphasize the importance of education for women and acknowledge

their role as educators within the family and society. Furthermore, the findings indicate that women's education constitutes a religious obligation that contributes to the development of women's autonomy and promotes the well-being of the family, society, and the ummah.

**Keywords:** *Women's empowerment; Education; Hadith; Women's education.*

## ABSTRAK

Pemeriksaan pendidikan wanita merupakan isu penting dalam pembangunan masyarakat yang seimbang dan inklusif. Dalam konteks Islam, hadith-hadith memainkan peranan penting dalam membentuk pandangan dan amalan berkaitan pendidikan wanita. Namun, terdapat ketidakseimbangan antara ajaran hadith dan amalan semasa, yang sering dipengaruhi oleh faktor budaya dan sosial. Artikel ini menganalisis hadith-hadith berkaitan pemeriksaan pendidikan wanita dan implikasinya terhadap pemeriksaan wanita. Menggunakan pendekatan kualitatif dengan analisis teks hadith, kajian ini mendapati bahawa hadith-hadith tersebut menekankan kepentingan pendidikan bagi wanita dan mengiktiraf peranan mereka sebagai pendidik dalam keluarga dan masyarakat. Selain itu, kajian juga menunjukkan bahawa pendidikan wanita adalah kewajipan yang membawa kepada pembangunan autonomi wanita serta membawa kepada kesejahteraan keluarga, masyarakat dan ummah.

**Kata Kunci:** *Pemeriksaan wanita; Pendidikan; Hadith; Pendidikan Wanita*

## 1. Pendahuluan

Pemeriksaan pendidikan wanita merupakan isu yang semakin mendapat perhatian dalam wacana kontemporari Islam. Konsep ini merujuk kepada proses meningkatkan keupayaan wanita untuk mendapatkan akses kepada pendidikan berkualiti serta menggunakan ilmu yang diperoleh untuk membuat keputusan dan memberi impak positif kepada masyarakat (Asmuni et. al., 2024). Dalam konteks Islam, pemeriksaan pendidikan wanita bukan sahaja selaras dengan ajaran agama, malah ia merupakan tuntutan yang telah lama ditekankan dalam sumber-sumber utama syariat (Muhammad et. al., 2005)

Islam meletakkan kepentingan yang tinggi terhadap pendidikan tanpa mengira jantina. Hadith yang masyhur menyatakan bahawa mencari ilmu adalah wajib bagi setiap Muslim, lelaki mahupun perempuan, menunjukkan betapa pentingnya pendidikan bagi kedua-dua jantina dalam pandangan Islam. Sejarah Islam juga merakamkan sumbangan besar wanita-wanita terkemuka dalam bidang keilmuan dan pendidikan, seperti Aisyah RA yang dikenali sebagai guru kepada ramai sahabat dan Fatimah al-Fihri yang menubuhkan universiti tertua di dunia, Universiti al-Qarawiyin di Fez, Maghribi.

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis pemeraksanaan pendidikan wanita dari perspektif hadith, yang merupakan sumber kedua terpenting dalam syariat Islam selepas al-Quran. Objektif utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti dan menganalisis hadith-hadith yang berkaitan dengan pendidikan wanita, meneliti aspek-aspek pemeraksanaan yang terkandung di dalamnya, meneliti tafsiran dan pandangan ulama terhadap hadith-hadith berkenaan. Selain itu, kajian juga turut mengkaji implikasi pemeraksanaan pendidikan wanita kepada diri wanita dan selainnya. Signifikan kajian ini terletak pada sumbangannya dalam menyerlahkan kepentingan pendidikan wanita dari perspektif Islam, memberi pemahaman yang lebih mendalam tentang hak dan tanggungjawab wanita dalam mencari ilmu dan menyumbang kepada dialog berterusan tentang peranan wanita dalam masyarakat Islam moden. Lebih penting lagi, dapatan kajian ini diharap dapat menyediakan asas kukuh untuk pembentukan dasar dan program yang menyokong pendidikan wanita berdasarkan prinsip-prinsip Islam.

Skop kajian ini akan memberi tumpuan kepada hadith-hadith yang berkaitan dengan pendidikan wanita yang terdapat dalam *kutub sittah* (Saḥīḥ al-Bukhārī, Saḥīḥ Muslim, Sunan Abū Dāwud, Sunan at-Tirmidhī, Sunan al-Nasā'ī dan Sunan Ibn Mājah). Analisis akan merangkumi tafsiran klasik dan kontemporari terhadap hadith-hadith tersebut, serta perbincangan mengenai implikasinya terhadap golongan wanita. Metodologi yang digunakan adalah pendekatan kualitatif dengan analisis teks hadith dan literatur berkaitan, merujuk kepada tafsiran ulama klasik dan kontemporari, serta menggunakan pendekatan tematik dalam menganalisis hadith-hadith berkenaan.

Melalui kajian ini, diharapkan dapat diketengahkan perspektif Islam yang progresif dan inklusif terhadap pendidikan wanita, sekaligus menyanggah tanggapan negatif yang sering dikaitkan dengan kedudukan wanita dalam Islam. Lebih jauh lagi, kajian ini bertujuan untuk menyumbang kepada usaha pemeraksanaan wanita dalam

bidang pendidikan, yang akhirnya akan memberi manfaat kepada pembangunan ummah secara keseluruhan.

## 2. Metodologi Kajian

Kajian ini direka untuk menganalisis secara mendalam pemeraksanaan pendidikan wanita dari perspektif hadith. Pendekatan yang digunakan adalah kualitatif, dengan tumpuan khusus pada analisis teks dan interpretasi kontekstual. Kajian ini menggabungkan beberapa kaedah penyelidikan untuk memastikan analisis yang komprehensif dan mendalam.

Pertama, kajian ini menggunakan kaedah pengumpulan data melalui penelitian perpustakaan yang ekstensif. Hadith-hadith dirujuk diambil daripada *kutub sittah* iaitu Sahih al-Bukhari, Sahih Muslim, Sunan Abu Dawud, Sunan at-Tirmidhi, Sunan al-Nasaie dan Sunan Ibn Majah. Selain itu, kitab-kitab syarah hadith yang terkenal seperti Fath al-Bari oleh Ibn Hajar al-Asqalani, Sharh Sahih Muslim oleh al-Nawawi dan lain-lain lagi juga dikaji untuk mendapatkan pemahaman yang lebih mendalam terhadap hadith-hadith berkaitan.

Untuk memastikan kajian ini juga relevan dengan konteks semasa, sumber-sumber sekunder termasuk tafsiran kontemporari oleh sarjana Islam moden, jurnal akademik, dan buku-buku yang membincangkan isu pendidikan wanita dalam Islam turut dirujuk. Ini membolehkan perbandingan antara tafsiran klasik dan kontemporari serta pemahaman tentang bagaimana perspektif terhadap pendidikan wanita telah berkembang sepanjang masa.

Setelah data dikumpulkan, kaedah analisis tematik digunakan untuk mengenal pasti tema-tema utama yang berkaitan dengan pemeraksanaan pendidikan wanita dalam hadith-hadith yang dikaji. Tema-tema ini termasuk, tetapi tidak terhad kepada, galakan mencari ilmu, kesetaraan dalam peluang pendidikan, peranan wanita sebagai pendidik, dan kepentingan pendidikan dalam pembangunan masyarakat.

Untuk mengukuhkan lagi analisis, kaedah perbandingan juga digunakan. Ini melibatkan perbandingan antara pelbagai riwayat hadith yang berkaitan, serta perbandingan antara tafsiran ulama klasik dan kontemporari. Kaedah ini membantu dalam mengenal pasti persamaan dan perbezaan dalam interpretasi, serta evolusi pemahaman terhadap isu pendidikan wanita dalam Islam.

### 3. Analisis Hadith-Hadith Pemeriksaan Pendidikan Wanita

#### 3.1 Memberikan Hak Kepada Wanita untuk Menuntut Ilmu

Bermula pengutusan Rasulullah SAW, baginda SAW bukan sahaja telah membuka peluang kepada golongan wanita untuk menuntut ilmu, bahkan Rasulullah SAW turut mewajibkan wanita untuk menuntut ilmu sebagaimana golongan lelaki. Terdapat beberapa nas syarak yang menegaskan tentang hak menuntut ilmu bagi wanita. Antaranya adalah hadith yang diriwayatkan oleh Abū Mūsā al-Ash'arī RA katanya, Rasulullah SAW bersabda:

ثَلَاثَةٌ هُمْ أَجْرَانِ: رَجُلٌ مِنْ أَهْلِ الْكِتَابِ، آمَنَ بِنَبِيِّهِ وَأَمَنَ بِمُحَمَّدٍ ﷺ، وَالْعَبْدُ الْمَمْلُوكُ إِذَا أَدَّى حَقَّ اللَّهِ وَحَقَّ مَوْلَاهُ، وَرَجُلٌ كَانَتْ عِنْدَهُ أَمَةٌ يَطْوُهَا، فَأَدَّبَهَا فَأَحْسَنَ تَأْدِيبَهَا، وَعَلَّمَهَا فَأَحْسَنَ تَعْلِيمَهَا، ثُمَّ أَعْتَقَهَا فَتَزَوَّجَهَا، فَلَهُ أَجْرَانِ

Terjemahan: Tiga golongan yang mendapat dua pahala: Lelaki daripada ahli kitab yang beriman dengan nabinya dan juga beriman dengan Muhammad SAW, dan seorang hamba yang menunaikan hak Allah dan hak tuannya, dan lelaki yang memiliki hamba perempuan, maka dia mendidiknya dengan sebaik-baik didikan, dan mengajarkannya dengan sebaik-baik pengajaran, kemudian dia memerdekakannya dan seterusnya mengahwininya, baginya dua pahala.

[Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, no. hadith: 97]

Imam al-Bukhārī memasukkan hadith ini di bawah bab “mendidik seseorang lelaki itu akan hamba perempuan dan ahli keluarganya”. Menurut Ibn Hajar al-Asqalānī (1390H), terjemahan bab hadith tersebut bertepatan dengan nas hadith dalam penyebutan hamba perempuan, manakala penyebutan ahli keluarga adalah secara qiyas. Hal ini kerana, mendidik ahli keluarga yang merdeka berkaitan kewajipan Allah SWT dan Rasul-Nya adalah lebih utama daripada mendidik seorang hamba perempuan.

Manakala, dalam hadith yang lain, Rasulullah SAW juga menekankan tentang kewajipan menuntut ilmu bukan sahaja kepada golongan lelaki, bahkan kepada golongan wanita. Sebagaimana hadith yang diriwayatkan oleh Anas bin Malik RA:

طَلَبُ الْعِلْمِ فَرِيضَةٌ عَلَى كُلِّ مُسْلِمٍ

Terjemahan: Menuntut ilmu adalah wajib ke atas setiap Muslim.

[Sunan Ibn Mājah, no. hadith: 224, dinilai Ṣaḥīḥ oleh al-Albānī]

Walaupun hadith ini menggunakan perkataan “Muslim” dalam bentuk lelaki, majoriti ulama memahaminya sebagai merangkumi kedua-dua golongan lelaki dan perempuan. Ini disokong oleh prinsip bahasa Arab di mana bentuk lelaki boleh digunakan untuk merujuk kepada kedua-dua jantina (al-Suyūṭī, 2014).

Ulama sepakat bahawa hadith ini menunjukkan kewajipan menuntut ilmu adalah umum, merangkumi semua umat Islam tanpa mengira jantina. Ini bermakna wanita mempunyai hak dan tanggungjawab yang sama untuk menuntut ilmu sebagaimana lelaki (Wardatusshopa et. al., 2024).

Imam Al-Ghazālī, dalam kitabnya “Ihya Ulumuddin”, menekankan bahawa kewajipan menuntut ilmu adalah sama bagi lelaki dan wanita. Beliau berpendapat bahawa ilmu adalah kunci kepada kefahaman agama dan kehidupan yang baik dan ia adalah keperluan asas bagi setiap Muslim (al-Ghazālī, 2005).

Hadith ini menunjukkan tidak ada diskriminasi antara lelaki dan wanita dalam kewajipan menuntut ilmu. Islam memberi hak yang sama kepada wanita untuk mendapatkan pendidikan, menolak sebarang pandangan yang menghadkan pendidikan wanita. Ini menjadi hujah kuat untuk pemeraksanaan pendidikan wanita dalam masyarakat Islam (Sirait & Arif, 2024).

Tafsiran ini menunjukkan bahawa Islam tidak membezakan antara lelaki dan wanita dalam kewajipan menuntut ilmu, sekali gus memberi asas yang kuat untuk pemeraksanaan pendidikan wanita.

Dalam membincangkan jenis ilmu yang wajib dituntut, ulama membahagikannya kepada dua kategori utama iaitu ilmu fardu ain dan ilmu fardu kifayah. Ilmu fardu ain merujuk kepada ilmu yang wajib dipelajari oleh setiap individu Muslim, seperti ilmu tentang akidah, ibadah, dan akhlak. Ulama seperti Imam As-Syafie menekankan bahawa wanita wajib mempelajari ilmu-ilmu ini untuk melaksanakan tanggungjawab agama mereka dengan betul. Ini termasuk ilmu tentang solat, puasa, zakat dan haji serta ilmu tentang hukum-hakam yang berkaitan dengan kehidupan seharian mereka (Nugraha, 2017).

Ilmu fardu kifayah pula merujuk kepada ilmu yang wajib dipelajari oleh sebahagian umat Islam untuk memenuhi keperluan masyarakat seperti perubatan, kejuruteraan dan pendidikan. Dalam konteks ini, ulama kontemporari seperti Dr Yusuf Al-Qaradawi menekankan bahawa wanita juga perlu terlibat dalam mempelajari ilmu-ilmu ini untuk menyumbang kepada masyarakat dan ummah. Beliau berpendapat bahawa penyertaan wanita dalam pelbagai bidang ilmu adalah penting untuk pembangunan ummah yang seimbang dan menyeluruh (Trisnani, Windiarti & Sa’adah, 2021).

Manakala, Syeikh Muhammad al-Ghazali (t.t) menggunakan hadith ini untuk mengkritik amalan-amalan budaya yang menghalang pendidikan wanita. Beliau berpendapat bahawa hadith ini menjadi bukti bahawa menghalang wanita daripada mendapatkan pendidikan adalah bertentangan dengan ajaran Islam. Al-Ghazali menekankan bahawa pemerksaan wanita melalui pendidikan adalah selaras dengan maqasid syariah (objektif syariah).

Hadith ini menjadi asas yang kukuh untuk pemerksaan pendidikan wanita dalam masyarakat Islam kontemporari. Ia menunjukkan bahawa pendidikan wanita bukan sahaja dibenarkan, tetapi merupakan kewajipan agama dan keperluan sosial. Pemahaman ini penting dalam usaha untuk mengatasi halangan-halangan budaya dan sosial yang masih wujud dalam beberapa masyarakat Islam, dan untuk memastikan wanita mendapat akses penuh kepada peluang pendidikan, selaras dengan ajaran Islam yang menekankan keadilan dan pembangunan insan yang menyeluruh.

### 3.2 Membenarkan Wanita Menghadiri Majlis Ilmu

Rasulullah SAW juga membenarkan dan tidak melarang golongan wanita para masanya untuk turut sama menghadiri majlis ilmu yang dikendalikan oleh baginda SAW. Hal ini dapat kita teliti melalui beberapa hadith yang menunjukkan golongan wanita berada dalam majlis ilmu Rasulullah SAW malah turut terlibat mengajukan persoalan dan isu berkaitan Islam berkaitan Rasulullah SAW. Antaranya adalah hadith yang diriwayatkan oleh 'Ā'ishah RA:

سَأَلَتِ امْرَأَةٌ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: كَيْفَ تَعْتَسِلُ مِنْ حَيْضَتِهَا؟

Terjemahan: Seorang wanita telah bertanya kepada Nabi SAW: Bagaimanakah cara untuk menyucikan diri daripada haidnya?

[Ṣaḥīḥ Muslim, no. hadith: 332]

Hadith di atas menunjukkan keberadaan wanita dalam majlis ilmu Rasulullah SAW dan mereka turut dibenarkan untuk mengajukan persoalan berkaitan agama mereka di dalam majlis ilmu Rasulullah SAW.

Dalam konteks hadith, wanita yang bertanya kepada Rasulullah SAW menunjukkan bahawa mereka aktif dalam proses pembelajaran. Ulama seperti Imam Nawawi dalam syarahnya terhadap Sahih Muslim menekankan bahawa bertanya adalah hak semua Muslim, termasuk wanita, dan ia adalah sebahagian daripada proses menuntut ilmu (al-Nawāwī, 1396H).

Ulama juga membincangkan sikap terbuka Rasulullah SAW terhadap soalan-soalan yang diajukan oleh wanita. Ini menunjukkan bahawa baginda tidak

membezakan antara lelaki dan wanita dalam hal pendidikan. Sikap ini dilihat sebagai teladan bagi masyarakat Islam untuk memastikan wanita mempunyai akses yang sama kepada pendidikan (Sardianto, 2022).

Bahkan Rasulullah SAW memuji kesungguhan para wanita dalam menuntut ilmu, mereka memberanikan diri untuk bertanya kepada Rasulullah SAW berkaitan agama walaupun diri mereka diselubungi oleh perasaan malu. Pujian Rasulullah SAW adalah sebagaimana hadith yang diriwayatkan oleh 'Ā'ishah RA:

نَعْمَ النِّسَاءُ نِسَاءُ الْأَنْصَارِ، لَمْ يَمْنَعُهُنَّ الْحَيَاءُ أَنْ يَتَفَقَّهْنَ فِي الدِّينِ

Terjemahan: Sebaik-baik wanita adalah wanita Anṣār, perasaan malu tidak menghalang mereka daripada menuntut ilmu.

[Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, no. hadith: 50]

Justeru, dengan menggalakkan wanita untuk bertanya dan belajar, Islam sebenarnya mempromosikan pemerksaan wanita melalui ilmu. Ini adalah selaras dengan prinsip Islam yang menekankan pentingnya ilmu bagi semua individu.

### 3.3 Mengkhususkan Masa untuk Wanita Menuntut Ilmu

Golongan wanita pada zaman Rasulullah SAW bukan sahaja diberikan peluang untuk menghadiri majlis ilmu Rasulullah SAW, bahkan mereka juga diberikan waktu yang khusus untuk menuntut ilmu daripada Rasulullah SAW. Terdapat riwayat di mana wanita-wanita pada zaman Rasulullah SAW meminta kepada baginda agar menetapkan satu hari khusus untuk mereka mendapatkan ilmu. Rasulullah SAW memenuhi permintaan ini dan meluangkan masa untuk mengajar mereka secara khusus. Hal ini sebagaimana hadith yang diriwayatkan oleh Abu Sa'īd al-Khudri RA:

جَاءَتْ امْرَأَةٌ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَتْ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، ذَهَبَ الرِّجَالُ بِحَدِيثِكَ فَاجْعَلْ لَنَا مِنْ نَفْسِكَ يَوْمًا نَأْتِيكَ فِيهِ نُعَلِّمُنَا بِمَا عَلَّمَكُمُ اللَّهُ. فَقَالَ: اجْتَمِعْنَ فِي يَوْمٍ كَذَا وَكَذَا فِي مَكَانٍ كَذَا وَكَذَا فَاجْتَمِعْنَ، فَأَتَاهُنَّ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَعَلَّمَهُنَّ بِمَا عَلَّمَهُ اللَّهُ

Terjemahan: Seorang wanita telah datang menemui Rasulullah SAW dan berkata: “Wahai Rasulullah, kaum lelaki telah mendominasi (majlis) engkau. Berikan waktu untuk kami sehari, kami akan datang kepada engkau agar belajar apa yang telah Allah ajarkan kepada engkau”. Maka Rasulullah SAW bersabda: “Berkumpullah kalian di hari sekian sekian dan hari sekian sekian. Mereka lantas berkumpul dan Rasulullah

SAW mendatangi mereka mengajari mereka apa yang telah Allah ajarkan kepada baginda SAW.

[Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, no. hadith: 7310]

Hadith yang menceritakan tentang permintaan seorang wanita kepada Rasulullah SAW untuk mendapatkan pengajaran khusus bagi kaum wanita telah menjadi topik perbincangan yang mendalam di kalangan ulama. Ulama dari pelbagai zaman telah menghuraikan hadith ini dengan teliti, melihatnya sebagai bukti kukuh pemeraksanaan pendidikan wanita dalam ajaran Islam.

Ibn Hajar al-Asqalani (t.t) menekankan aspek inisiatif wanita dalam menuntut ilmu. Beliau melihat tindakan wanita tersebut yang datang sendiri kepada Rasulullah SAW sebagai cerminan kesedaran dan keinginan wanita untuk mendapatkan ilmu, selaras dengan galakan Islam untuk mencari ilmu tanpa mengira jantina.

Al-Nawawi (1396H) pula menggariskan pengiktirafan Rasulullah SAW terhadap kepentingan pendidikan wanita. Tindakan baginda memperuntukkan waktu khusus untuk mengajar wanita bukan sekadar menunjukkan bahawa pendidikan wanita dibenarkan, tetapi ia digalakkan dan diberi penekanan dalam Islam. Ini menjadi asas penting dalam memahami kedudukan wanita dalam konteks pendidikan Islam.

Tindakan Rasulullah SAW boleh dijadikan sebagai contoh tanggungjawab pemimpin untuk memastikan akses pendidikan kepada semua lapisan masyarakat, termasuk wanita. Ini menjadi panduan penting bagi pemimpin-pemimpin Muslim dalam menyediakan peluang pendidikan yang saksama (Sofa Izurrohman, 2023)

Selain itu, ulama kontemporari seperti Dr. Yusuf al-Qaradawi menggunakan hadith ini untuk menekankan prinsip kesaksamaan dalam peluang pendidikan antara lelaki dan wanita. Beliau berpendapat bahawa tindakan Rasulullah SAW ini menunjukkan wanita mempunyai hak yang sama untuk mendapatkan ilmu, merangkumi ilmu agama dan duniawi. Pandangan ini memperkukuhkan lagi konsep keadilan dan kesaksamaan dalam Islam, terutamanya dalam aspek pendidikan (Sirait & Arif, 2024)

Selain itu, menurut Dr Akram Nadwi (2022) dalam kajiannya tentang ulama wanita dalam sejarah Islam, menggunakan hadith ini untuk menunjukkan kepelbagaian ilmu yang diajar kepada wanita. Frasa “apa yang telah Allah ajarkan kepada engkau” dalam hadith tersebut ditafsirkan sebagai meliputi pelbagai aspek ilmu, bukan terhad kepada ilmu-ilmu tertentu sahaja. Ini membuka ruang untuk wanita mendalami pelbagai bidang ilmu.

Selain daripada itu, Dr Muhammad Imarah (2007) pula melihat hadith ini sebagai bukti pemeraksanaan wanita melalui ilmu. Beliau berpendapat bahawa dengan mendapatkan ilmu secara langsung dari Rasulullah SAW, wanita-wanita ini

diperkasakan untuk memahami agama mereka dengan lebih mendalam dan menjadi agen perubahan dalam masyarakat.

Syeikh Muhammad al-Ghazali (t.t) pula menggunakan hadith ini untuk menunjukkan bagaimana Islam mengatasi halangan sosial dalam pendidikan wanita. Walaupun wanita pada zaman tersebut mungkin menghadapi kekangan sosial, Rasulullah SAW membuka jalan untuk mereka mendapatkan ilmu, menunjukkan sifat progresif Islam dalam isu pendidikan wanita.

Tuntasnya, hadith ini menunjukkan bahawa Islam sangat mementingkan pendidikan wanita. Hadith ini menjadi bukti kukuh tentang pemerksaan wanita melalui pendidikan dalam ajaran Islam, menggambarkan kesaksamaan peluang, kepentingan peluang dalam menuntut ilmu dan peranan pemimpin dalam menyediakan pendidikan wanita. Ia juga menunjukkan bahawa pendidikan wanita bukan sekadar hak, tetapi juga tanggungjawab yang penting dalam pembangunan masyarakat Islam yang holistik dan berpengetahuan.

#### 4. Implikasi Pemerksaan Pendidikan Wanita Berdasarkan Perspektif Hadith

##### *4.1 Implikasi Terhadap Pembangunan Individu Wanita*

Pemerksaan pendidikan wanita membawa implikasi yang signifikan terhadap pembangunan individu wanita itu sendiri. Hadith-hadith yang menggalakkan pencarian ilmu tanpa mengira jantina membuka pintu kepada wanita untuk membangunkan diri mereka secara holistik dan memberi justifikasi kepada wanita untuk aktif mencari ilmu dan mengembangkan potensi diri (Tansya, Silminawati & Usiono, 2023).

Dari segi intelektual, pendidikan membolehkan wanita mengasah pemikiran kritis, meningkatkan keupayaan analitik, dan memperluas horizon pengetahuan mereka. Ini selaras dengan semangat hadith yang menggalakkan umat Islam untuk berfikir dan merenungi alam ciptaan Allah. Pendidikan juga membantu wanita memahami agama dengan lebih mendalam, membolehkan mereka mengamalkan Islam dengan lebih bermakna dalam kehidupan seharian (Luciana, 2019).

Dari sudut emosi dan spiritual, pendidikan memberi wanita alat untuk memahami diri sendiri dengan lebih baik, menguruskan emosi dan mengukuhkan hubungan dengan Allah SWT. Hadith-hadith yang menekankan kepentingan ilmu dalam meningkatkan ketakwaan menjadi pendorong kepada wanita untuk terus menimba ilmu sebagai satu bentuk ibadah (Mubarakah & Bakri, 2022).

Secara ekonomi, pendidikan membuka peluang kerjaya yang lebih luas kepada wanita, membolehkan mereka berdikari dari segi kewangan. Ini selaras dengan teladan yang ditunjukkan oleh Khadijah RA, isteri Rasulullah SAW, yang merupakan seorang usahawan berjaya. Keupayaan untuk menyara diri dan menyumbang kepada ekonomi keluarga meningkatkan harga diri dan keyakinan wanita (Ullah, Daraz & Kamal, 2024).

#### 4.2 Implikasi Terhadap Institusi Kekeluargaan

Pemeriksaan pendidikan wanita turut memberi impak positif terhadap institusi keluarga. Salah satu implikasi utama adalah peningkatan kualiti pendidikan awal kanak-kanak dalam keluarga dimana wanita yang berpendidikan lebih berkemampuan untuk mendidik anak-anak mereka dengan lebih berkesan. Wanita yang berilmu dapat menjadi 'sekolah pertama' yang efektif untuk anak-anak mereka, memupuk generasi akan datang yang berilmu dan berakhlak mulia (Das & Tiwari, 2023).

Pendidikan wanita juga membawa kepada pengurusan keluarga yang lebih efektif. Wanita yang berpendidikan lebih berkemampuan untuk menguruskan rumah tangga dengan lebih cekap, termasuk dalam aspek pengurusan kewangan keluarga. Ini membawa kepada penggunaan sumber keluarga yang lebih bijak dan pembahagian tanggungjawab yang lebih seimbang antara suami dan isteri (Aisyah, 2024).

Dalam konteks perkahwinan pula, wanita yang berpendidikan dapat menjadi pasangan yang setara dari segi intelektual, membolehkan perbincangan yang lebih bermakna dan pembuatan keputusan yang lebih bijak dalam rumahtangga. Ini mencerminkan konsep *mu'āsarah bi al-ma'rūf* (pergaulan yang baik) yang ditekankan dalam Al-Quran dan hadith (Happy, 2018).

Manakala, dari sudut spiritual, pendidikan wanita membawa kepada pemahaman agama yang lebih mendalam dalam keluarga. Hadith yang menggalakkan wanita untuk hadir di majlis ilmu menunjukkan kepentingan pemahaman agama yang komprehensif. Wanita yang berpendidikan dapat membimbing keluarga dalam hal-hal keagamaan dengan lebih berkesan, meningkatkan amalan keagamaan dalam keluarga, dan membentuk nilai-nilai Islam yang kukuh dalam kehidupan seharian keluarga (Nisa & Siti A'isyah, 2022).

Selain itu, keseimbangan antara kerjaya dan keluarga juga menjadi lebih tercapai apabila wanita berpendidikan. Hadith yang menggambarkan wanita yang bekerja pada zaman Rasulullah SAW menunjukkan keseimbangan antara tanggungjawab keluarga dan kerjaya adalah mungkin dan dibenarkan dalam Islam. Wanita yang berpendidikan lebih berkemampuan untuk mengimbangi tuntutan

kerjaya dan keluarga, memberi sumbangan ekonomi kepada keluarga, dan menjadi model peranan yang positif untuk anak-anak mereka (Awang et. al, 2019).

Tambahan pula, pendidikan juga membolehkan wanita lebih memahami hak-hak mereka dalam Islam, termasuk dalam perkahwinan dan kekeluargaan. Ini dapat mengurangkan kes-kes penindasan dan ketidakadilan dalam rumahtangga, selaras dengan hadith-hadith yang menekankan keadilan dan kasih sayang dalam hubungan suami isteri (Sugiarto, Ayu & Al Fiza, 2023).

### *4.3 Implikasi Terhadap Masyarakat dan Ummah*

Implikasi pemeraksanaan pendidikan wanita terhadap masyarakat dan ummah adalah sangat signifikan. Wanita yang berpendidikan dapat menyumbang secara aktif dalam pembangunan masyarakat, selaras dengan hadith yang menggalakkan setiap Muslim untuk memberi manfaat kepada orang lain (Alkanchi et. al., 2024).

Dalam bidang profesional pula, wanita yang berpendidikan dapat mengisi pelbagai peranan penting dalam masyarakat, termasuk sebagai doktor, guru, saintis, dan pemimpin masyarakat. Ini membolehkan perspektif wanita diambil kira dalam pembangunan dan pelaksanaan dasar-dasar penting, membawa kepada masyarakat yang lebih seimbang dan inklusif (Liddini et. al., 2023).

Manakala dari segi sosial, wanita yang berpendidikan lebih berkemampuan untuk menangani isu-isu sosial seperti kemiskinan, kesihatan, dan pendidikan. Mereka dapat menjadi agen perubahan dalam masyarakat, selaras dengan hadith yang menggalakkan umat Islam untuk memperbaiki keadaan masyarakat mereka (Yadav, 2022).

Selain itu, dalam konteks yang lebih luas, pemeraksanaan pendidikan wanita menyumbang kepada pembangunan ummah secara keseluruhan. Wanita yang berilmu dapat memainkan peranan penting dalam memelihara dan mengembangkan warisan intelektual Islam, selaras dengan tradisi ilmuwan wanita dalam sejarah Islam seperti Aisyah RA dan Fatimah Al-Fihri (Karmilah et. al., 2023).

Tambahan pula, dalam aspek dakwah dan penyebaran ilmu, wanita berpendidikan memainkan peranan penting. Mereka boleh menjadi pendakwah yang berkesan, terutamanya dalam kalangan wanita lain. Hadith yang menggambarkan bagaimana wanita pada zaman Rasulullah SAW bertanya dan menyebarkan ilmu menunjukkan peranan penting wanita dalam penyebaran ajaran Islam (Sayeed, 2023).

## 5. Kesimpulan

Melalui analisis terperinci terhadap hadith-hadith yang berkaitan, kajian ini mendapati bahawa Rasulullah SAW telah memainkan peranan penting dalam memperkasakan pendidikan wanita secara khusus dan kehidupan wanita secara umum.

Hadith-hadith yang dikaji menunjukkan bahawa pendidikan wanita bukan sahaja digalakkan, bahkan dianggap sebagai satu kewajipan. Nabi Muhammad SAW telah menegaskan bahawa mencari ilmu adalah wajib bagi setiap Muslim, tanpa mengira jantina. Ini menunjukkan bahawa Islam memandang pendidikan sebagai hak asasi yang perlu dinikmati oleh semua, termasuk wanita.

Kajian juga mendapati pelbagai implikasi positif daripada pemeraksanaan pendidikan wanita. Pada peringkat individu, pendidikan membolehkan wanita membangunkan potensi diri, meningkatkan keyakinan diri, dan memperoleh kemahiran yang diperlukan untuk berjaya dalam pelbagai bidang kehidupan. Dari perspektif keluarga, wanita yang berpendidikan lebih berkemampuan untuk mendidik anak-anak mereka dengan lebih baik, menyokong pembangunan keluarga, dan menyumbang kepada kesejahteraan ekonomi keluarga.

Pada peringkat masyarakat dan negara, pemeraksanaan pendidikan wanita membawa kepada pembangunan sosial yang lebih menyeluruh. Wanita yang berpendidikan dapat menyumbang kepada pembangunan masyarakat melalui penglibatan aktif dalam pelbagai sektor, termasuk ekonomi, politik, dan sosial. Ini selaras dengan ajaran Islam yang menekankan peranan wanita sebagai agen perubahan dan pembangunan dalam masyarakat. Selain itu, negara yang memberi penekanan kepada pendidikan wanita cenderung untuk mencapai tahap pembangunan yang lebih tinggi, dengan peningkatan dalam pelbagai indikator sosio-ekonomi.

## Sumbangan Pengarang

Konseptualisasi, Muhammad Adam Abd. Azid; metodologi, Muhammad Adam Abd. Azid; analisis data, Muhammad Adam Abd. Azid; pengumpulan data, Muhammad Adam Abd. Azid, penulisan-persediaan draf asal, Muhammad Adam Abd. Azid; semakan dan penyuntingan, Ihsan Nurmansyah; penyeliaan, Najah Nadiyah Amran. Semua pengarang telah membaca dan bersetuju menerima versi manuskrip yang diterbitkan.

## Konflik Kepentingan

Pengarang mengisytiharkan bahawa tiada sebarang konflik kepentingan (kewangan, peribadi atau profesional) yang boleh mempengaruhi penulisan dan penerbitan artikel ini.

## Pernyataan Etika

Nyatakan kelulusan etika jika berkaitan. Jika tidak, pengarang boleh menulis seperti: Kajian ini tidak melibatkan subjek manusia atau haiwan. Semua data yang digunakan diperoleh daripada sumber yang boleh diakses secara umum dan tidak mengandungi sebarang maklumat peribadi yang boleh dikenal pasti. Oleh itu, kelulusan etika tidak diperlukan.

## Pernyataan Teks Yang Dihasilkan Oleh Kecerdasan Buatan (AI)

Menyatakan AI tools yang digunakan. Jika tidak, pengarang boleh menulis seperti: Tiada alat Kecerdasan Buatan (AI) digunakan untuk menghasilkan kandungan asal, menjalankan analisis, atau menggantikan mana-mana bahagian sumbangan intelektual penyelidik.

## Pernyataan Ketersediaan Data

Sumbangan asal yang dibentangkan dalam kajian ini telah disertakan dalam artikel/bahan tambahan. Sebarang pertanyaan lanjut boleh dikemukakan kepada penulis korespondan.

## Rujukan

- Aisyah, E. N. (2024). Linking Demographic Factors with Family Financial Management Competence and Community Lifestyle. *Asian Journal of Economics, Business and Accounting*, 24(7), 578–587. <https://doi.org/10.9734/ajeba/2024/v24i71431>
- Al-Bukhārī, Muḥammad ibn Ismā'īl. (1422). *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Muḥammad Zuhayr ibn Nāṣir al-Nāṣir (ed.). Beirut: Dār Ṭūq al-Najāh.
- Al-Ghazālī, Abū Ḥāmid. (2005). *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn*. Beirut: Dār al-Kutūb al-'Ilmiyyah.
- Alkanchi, H. M., Ahmad, N., Yusof, Y. B. M. ., & Zaidan, A. M. (2024). The Role of Muslim Women Education in National Transformation for Human Development. *Fahima*, 3(2), 171–191. <https://doi.org/10.54622/fahima.v3i2.319>
- Al-Nawāwī, Abū Zakariyyā Yahyā ibn Sharf. (1396H). *al-Minhāj Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim ibn al-Hajjāj*. Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth.
- Al-Suyūṭī, Abū al-Faḍl 'Abd al-Raḥmān ibn Abū Bakr ibn Muḥammad Jalāl al-Dīn. (2014). *Miṣbāḥ al-Zujājah 'alā Sunan Ibn Mājah*. Muḥammad Shāyib Sharīf (ed.). Riyāḍ: Dār Ibn Ḥazm.

- Asmuni, A., Darwin, E. S., Robiyanto, R., Bastomi, B., Kasinyo, H., Tutut, H. (2024). Penguatan Gender Dalam Pendidikan Islam. *Journal on Education*, 6 (4): 21875-21884. doi: 10.31004/joe.v6i4.6376
- Awang, N., Yusoff, A., Mat Isa, A. A., Mohd Yusof, S. B., Yusof, S., & Nordin, N. (2019). Kesedaran wanita Muslim tentang hak dan tanggungjawab dalam keluarga dan kerjaya: kajian kes di UNITEN dan UPNM: The awareness of Muslim women on their rights and responsibilities within family and career: the case study at UNITEN and UPNM. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 4(2), 171–187. <https://doi.org/10.53840/alirsyad.v4i2.64>
- Das, P. and Tiwari, A. (2023), "The Impact of Mother's Education on Children's Educational Outcome: A Household Level Analysis", Das, R.C. (Ed.) *Inclusive Developments Through Socio-economic Indicators: New Theoretical and Empirical Insights*, Emerald Publishing Limited, Leeds, pp. 307-318. <https://doi.org/10.1108/978-1-80455-554-520231025>
- Happy, P. V. (2018). Role of Education and Women's Decision-Making Power In Families. *Journal of Emerging Technologies and Innovative Research*, 5(10), 124-127. <https://www.jetir.org/papers/JETIR1810A70.pdf>
- Ibn Hajar al-Asqalānī, Aḥmad ibn 'Alī. (1390H). *Fath al-Bārī bi Sharḥ al-Bukhārī*. Muḥammad Fu'ād 'Abd al-Bāqī (ed.). Miṣr: al-Maktabah al-Salafiyah.
- Ibn Mājah, Abū 'Abd Allāh Muḥammad ibn Yazīd al-Qazwīnī. (t.t.). *Sunan Ibn Mājah*. Muḥammad Fu'ād 'Abd al-Bāqī (ed.). al-Qāherah: Dār Iḥyā' al-Kutub al-'Arabiyah.
- Karmilah, K., Rikaeni, I., Yulianti, A., Zainuddin, A., Mutakin, M., Muhajir, M. & Ahmad, L. (2023). Wanita Sebagai Pondasi Peradaban Perspektif Hadis. *Mimbar Kampus: Jurnal Pendidikan Dan Agama Islam*, 23(1), 526-534. <https://doi.org/10.47467/mk.v23i1.5657>
- Liddini, L., Arifin, A., Maula, N. N. M., Anggraini, N. N., & Iqbal, F. (2023). Peran Sarjana Perempuan dalam Perspektif Hukum Islam (Al-Qur'an dan Hadis). *Sultan Jurisprudence: Jurnal Riset Ilmu Hukum*, 3(1), 36-50.
- Luciana, L. (2019). Pendidikan wanita dalam perspektif filsafat pendidikan Islam. *Al-Muaddib: Jurnal Ilmu-Ilmu Sosial dan Keislaman*, 4(1), 92-105.
- Mubarokah, S. R., & Bakri, S. (2022). Pendidikan Kewanitaan dalam Surat an-Nuur ayat 31 Tafsir al-Azhar. *Yinyang: Jurnal Studi Islam Gender Dan Anak*, 17(1), 73–88. <https://doi.org/10.24090/yinyang.v17i1.5186>
- Muhammad 'Imarah. (2007). *al-Islām wa al-Mar'ah fī Ra'y al-Imām Muḥammad 'Abduh*. Kaḥerah: Nahdat Miṣr.
- Muḥammad al-Ghazālī. (t.t). *Qaḍāyā al-Mar'ah Bayn al-Taqālid al-Rākidah wa al-Wāfidah*. al-Qāherah: Dār al-Shurūq.
- Muhammad, A., Jusoh, Y., Basiron, B., Jasmi, K. A. (2005). Pengiktirafan Islam Terhadap Hak Wanita dalam Bidang Pendidikan dan Kerjaya in *International Seminar On Muslim Women: Future & Challenges In Shaping The Ummah* at Sofitel Palm Resort on 02-03 April 2005, 1 – 13.
- Nadwi, A. (2022). *Al-Muhadditsat Ulama perempuan dalam bidang hadits*. terj. Fahmy Yamani. Jakarta: Gema Insani.

- Nisa, M. N., & Siti A'isyah. (2022). Implikasi Pendidikan Agama Wanita Terhadap Keharmonisan Keluarga: Studi Kasus di Desa Wonokerso Pakisaji Malang . *Jurnal Penelitian Ilmiah INTAJ*, 6(2), 128–151. <https://doi.org/10.35897/intaj.v6i2.779>
- Nugraha, M. . (2017). Konsep Ilmu Fardu Ain Dan Fardu Kifayah Dan Kepentingan Amalannya Dalam Kurikulum Pendidikan Islam. *TAFHIM: IKIM Journal of Islam and the Contemporary World*, 10. <https://doi.org/10.56389/tafhim.vol10no1.4>
- Sardianto, D. (2022). THE URGENCY OF WOMEN'S EDUCATION: THE HADITH PERSPECTIVE. *INNOVATIO: Journal for Religious Innovations Studies*, 22(1), 80-92.
- Sayeed, A. (2023). 'Women as Transmitters of Knowledge', in Asma Afsaruddin (ed.), *The Oxford Handbook of Islam and Women*, Oxford Handbooks (2023; online edn, Oxford Academic, <https://doi.org/10.1093/oxfordhb/9780190638771.013.3>
- Sirait, S., & Arif, M. (2024). The Importance of Islamic Education and Gender Equality in Contemporary Schools. *DAYAH: Journal of Islamic Education*, 7(1), 114 – 126.
- Sofa Izurrohman, M. R., Zakki Azani, M., & Salim, H. (2023). The Concept of Prophetic Education According to Imam Tirmidzi in the Book of Syamail Muhammadiyah. *Solo International Collaboration and Publication of Social Sciences and Humanities*, 1(01), 57–66. <https://doi.org/10.61455/sicopus.v1i01.33>
- Sugiarto, W., Ayu, P. S. & Al Fiza, S. (2023). Peran Wanita Sebagai Ibu Dalam Pendidikan Islam Perspektif Murtadha Muthahhari. *Al-Hasanah : Jurnal Pendidikan Agama Islam*, 8(2), 271–291. <https://doi.org/10.51729/82200>
- Tansya, F., Salminawati, S., & Usiono, U. (2023). Pendidikan Wanita Dalam Perspektif Filsafat Pendidikan Islam . *Munaddhomah: Jurnal Manajemen Pendidikan Islam*, 3(4), 406–414. <https://doi.org/10.31538/munaddhomah.v3i4.325>
- Trisnani, A., Windiarti, W., & Sa'adah, H. (2021). Peran Perempuan dalam Politik menurut Yusuf Al-Qardhawi. *Kalimah: Jurnal Studi Agama Dan Pemikiran Islam*, 19(2), 209–228. <https://doi.org/10.21111/klm.v19i2.6412>
- Ullah, R., Daraz, U., & Kamal, A. (2024). Harmonizing Progress: The Resounding Impact of Education on Women's Economic Empowerment. *Qlantic Journal of Social Sciences and Humanities*, 5(1), 66-77. <https://doi.org/10.55737/qjssh.267011167>
- Wardatushoppa, F., Ummah, I., Karmilah, K., Sirozudin, S., Hidayat, W., & Djazimi, D. (2024). Keutamaan Ilmu dalam Perspektif Hadis. *Mimbar Kampus: Jurnal Pendidikan dan Agama Islam*, 23(1), 516-525.
- Yadav, S. (2022). Women Education and Women Empowerment: Finding the Link for Societal Development. *BSSS journal of social work*, XIV(1), 8-14. doi: 10.51767/jsw1402